

Conference Proceeding: 2nd INTERNATIONAL CONFERENCE ON CREATIVE MEDIA, DESIGN & TECHNOLOGY (REKA2016)

MEMAHAMI MEME SEBAGAI SELOKA HARIAN: IMPAK DIMENSI SOSIOBUDAYA DAN POLITIK

Faizul Nizar Bin Anuar¹

Universiti Kebangsaan Malaysia

¹faizulnizar_nizar@yahoo.com

Fauziah Ahmad²

Universiti Kebangsaan Malaysia

²zuhair@ukm.edu.my

Sabariah Mohamed Salleh³

Universiti Kebangsaan Malaysia

³sabariah@ukm.edu.my

Badrul Redzuan Abu Hassan⁴

Universiti Kebangsaan Malaysia

⁴brah@ukm.edu.my

ABSTRAK

Kemajuan teknologi komunikasi pada hari ini telah banyak mendatangkan kemudahan kepada para penggunanya untuk berkomunikasi dan berinteraksi di antara satu sama lain. Kebanyakan daripada penggunanya gemar menggunakan media sosial seperti *Facebook* sebagai medium utama menyalurkan sesuatu maklumat. Sejak akhir-akhir ini, fenomena penghasilan dan perkongsian maklumat berbentuk 'Meme' menjadi semakin popular dan telah menjadi trend bagi kebanyakan pengguna di internet sama ada menerusi laman sosial, blog dan sebagainya. Kehadiran meme yang dihasilkan telah dikongsi dan diviralkan oleh kebanyakan netizen. Oleh itu, tujuan kajian ini dijalankan adalah bagi melihat impak daripada penghasilan meme terhadap sosiobudaya dan politik di Malaysia. Kajian ini telah menggunakan pendekatan Analisis Wacana Kritis (*Critical Discourse Analysis*) oleh Fairclough (1985). Hasil kajian mendapati bahawa kehadiran meme dilihat sebagai suatu medium untuk meluahkan perasaan serta rasa hati terhadap sesuatu perkara. Perdebatan mengenai sesuatu isu telah merancakkan lagi penghasilan meme dan wacana awam sehingga turut melibatkan ahli politik dan pemerintah dalam sesebuah negara. Kajian ini adalah penting bagi melihat kesan penghasilan sesebuah meme dalam masyarakat di Malaysia selain mengenal pasti keberkesanan saluran meme dalam menyampaikan sesuatu isu ataupun perkara yang dirasakan menarik dan sangat penting untuk diperbincangkan.

Kata Kunci: Meme; Media; Wacana Awam; Analisis Wacana Kritis (*Critical Discourse Analysis*).

PENGENALAN

Kewujudan meme dalam dunia komunikasi pada hari ini bukanlah sesuatu perkara yang baharu. Hal ini kerana kajian mengenai fenomena ini telah lama dijalankan oleh pakar-pakar dalam bidang yang berkaitan sejak beberapa dekad yang lepas. Menurut Richard Dawkins (2006) iaitu seorang pakar dalam bidang Biologi yang berasal daripada Braitain, beliau telah menyatakan bahawa perkataan meme terhasil daripada penggunaan kata akar 'Mimesis' iaitu salah satu perkataan yang diperolehi daripada Yunani. Kewujudan media komunikasi yang semakin canggih pada abad ini, merupakan salah satu faktor pendorong yang mampu menggalakkan lagi penghasilan sesuatu meme seperti mana yang kita lihat pada hari ini. Fenomena meme ini merupakan salah satu usaha yang telah dilakukan oleh sesetengah masyarakat yang aktif menggunakan media massa untuk menghasilkan sesuatu maklumat secara benar (sahih) ataupun sebaliknya dengan tujuan untuk menarik perhatian mengenai sesuatu isu dan

dikongsikan kepada masyarakat umum. Bentuk penghasilan meme boleh wujud dalam pelbagai dimensi sama ada berbentuk teks, grafik, video dan sebagainya. Malah, terdapat sesetengah meme yang dihasilkan dan dikongsikan tanpa menitik beratkan tentang kesahihan tentang sesuatu maklumat yang hendak disampaikan kepada pengguna-pengguna di media massa yang lain, contohnya melalui laman sosial dan sebagainya. Sehubungan dengan itu, terdapat juga sesetengah netizen yang menghasilkan meme dengan tujuan untuk berkongsi minat untuk menghasilkan meme dan menyampaikan sesuatu maklumat sebagai sumber hiburan tanpa mempertimbangkan kesan buruk hasil daripada penyebaran sesuatu maklumat yang berunsur fitnah dan sebagainya. Keadaan ini secara tidak langsung akan menimbulkan keadaan huru hara serta wujudnya percanggahan pendapat di antara pengguna-pengguna media yang menerima meme tersebut. Keadaan ini menjadi lebih membimbangkan apabila meme yang dihasilkan tersebut telah ditambah dan disunting semula dengan memasukkan elemen-elemen yang mampu menjatuhkan maruah dan kredibiliti seseorang secara individu, kumpulan ataupun sesebuah organisasi, contohnya seperti parti politik yang memerintah sesuatu negara dan sebagainya. Meme lazimnya boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu berbentuk positif dan juga berbentuk negatif. Meme Positif merupakan meme yang dihasilkan sama ada dengan menggunakan teks, grafik ataupun video dengan memasukkan elemen-elemen tambahan yang dipilih melalui maklumat yang benar serta disahkan kesahihannya sebelum dikongsikan kepada pengguna media yang lain. Namun begitu, meme yang berunsur negatif dilihat amat membimbangkan kerana meme tersebut sengaja direka tanpa mempertimbangkan mengenai kebenaran serta kesahihan sesuatu berita atau maklumat yang terkandung di dalamnya. Keadaan ini adalah kerana, dalam ajaran Islam contohnya, amalan serta perbuatan yang berbentuk negatif tersebut boleh diibaratkan sebagai memfitnah sekiranya tidak dilakukan oleh seseorang yang menjadi mangsa. Keadaan ini dilihat lebih jelas apabila meme yang dihasilkan terang-terangan menuduh seseorang melakukan sesuatu yang tidak pernah dilakukan olehnya. Sehubungan dengan itu, penghasilan meme yang berunsur negatif ini juga mampu membawa kepada hukum Ghibah (mengumpat) iaitu perbuatan menjaja cerita mengenai seseorang kepada individu-individu lain sama ada disedari oleh mangsa mahupun tidak. Perkara-perkara ini termasuk dalam antara dosa-dosa besar dalam ajaran agama Islam. Dalam Hadis Riwayat Muslim, Abu Daud dan At Tarmizi telah menerangkan bahawa pembohongan (fitnah) dan Ghibah iaitu (memburukkan orang lain tanpa kebenaran) adalah sesuatu amalan dan kelakuan yang amat dilarang dalam ajaran agama Islam. Perbuatan tersebut mampu mendatangkan kesan yang buruk bukan hanya kepada seseorang individu, malah mahupun mengancam keselamatan dan kedaulatan sesebuah negara. Oleh yang demikian, setiap lapisan masyarakat haruslah sentiasa peka dan berhati-hati dalam penghasilan dan penerimaan sesuatu meme kerana medium komunikasi tersebut mampu memberikan kesan serta impak yang begitu mendalam bukan hanya kepada seseorang individu dari sudut agama, malah mampu mengancam akan kedaulatan dan keharmonian sesebuah negara. Oleh itu, makalah ini akan memfokuskan kepada memahami meme sebagai seloka harian: impak dimensi sosiobudaya dan politik.

SOROTAN LITERATUR

Meme

Terdapat pelbagai jenis definisi yang berkaitan bagi menerangkan maksud meme secara menyeluruh dan lebih jelas. Sartika (2004), menyatakan bahawa perkataan meme telah diperkenalkan oleh Dawkins dan perkara ini juga turut dipersetujui oleh Blackmore dan Lynch pada tahun 1998. Menurut Dawkins (1976), dalam naskah yang diterbitkan bertajuk *The Selfish Gene*, beliau telah menyatakan bahawa sebahagian besar perkara luar biasa yang mencerminkan seseorang lelaki boleh dirujuk sebagai sesuatu budaya. Menurut beliau, perkembangan terhadap sesuatu budaya wujud melalui perubahan biologi yang dipamirkan oleh perbuatan dan kelakuan manusia itu sendiri. Ryan (2012) menyatakan bahawa meme adalah suatu warisan artifak teori yang mempunyai cerita dan sejarah berhubung dengan kewujudannya.

Menurut beliau lagi, perkataan meme telah diperkenalkan oleh Dawkins bagi menerangkan dan merujuk kepada sesuatu budaya yang telah wujud. Hal ini adalah kerana, budaya terhasil melalui gen. Dalam bidang Biologi telah menyatakan bahawa, kewujudan sesuatu gen dalam diri manusia adalah salah satu faktor yang sangat penting dalam menentukan sesuatu sifat yang ada dalam diri seseorang individu. Selain itu, definisi dan maksud kepada perkataan meme sememangnya telah banyak diperdebat dan diperbincangkan oleh pakar-pakar yang berkaitan. Menurut Dennet (1991), beliau telah mendefinisikan meme sebagai suatu unit yang terkecil yang menyebabkan mereka meniru apa yang telah dilakukan hasil daripada sesuatu yang telah menjadi kepercayaan dan diterima oleh seseorang individu. Wilson (1997) pula berpendapat bahawa perkataan meme merujuk kepada mod semantik yang terhasil melalui aktiviti di bahagian otak yang dikenali sebagai 'unit'. Pandangan terhadap sesuatu perkara akan mempengaruhi tingkah laku dan kepercayaan terhadap sesuatu budaya, sama ada akan terus dikekalkan mahupun sebaliknya. Selain itu, Delius (1989) pula menyatakan bahawa meme adalah sesuatu yang mempunyai ciri-ciri tertentu, iaitu boleh diaktifkan ataupun tidak boleh diaktifkan dalam keadaan memori neutral. Hal ini jelas menerangkan bahawa kewujudan meme sememangnya mampu untuk dikawal oleh manusia sama ada untuk menerima, ataupun menolak sesuatu budaya yang telah didedahkan kepadanya. Namun begitu, Lynch (1996) pula berpandangan bahawa meme adalah sesuatu budaya yang aktif dan boleh berjangkit dari seorang ke seorang yang lain. Pandangan ini turut mendapat sokongan daripada Grant (1990) yang menyatakan bahawa meme juga boleh berjangkit menerusi minda manusia.

Media

Wimmer dan Dominic (1997) berpendapat bahawa seseorang individu akan menggunakan dan bergantung kepada sesuatu media untuk mendapatkan maklumat dan informasi sekiranya mereka merasakan sesuatu media tersebut mampu untuk memenuhi kehendak dan keinginan mereka. Sehubungan dengan itu, Ab. Halim dan Zarin (2009) pula telah menyuarakan pendapat bahawa kewujudan pelbagai jenis media pada masa kini telah banyak mendatangkan pelbagai kesan negatif terhadap remaja Melayu di negara ini. Kandungan media yang dimaksudkan bukan hanya diperolehi daripada dalam negara, malah turut diperolehi daripada negara luar. Menurut beliau lagi, kepesatan teknologi pada dewasa ini telah banyak mempengaruhi cara hidup golongan remaja di bandar, mahupun luar bandar. Selain itu, Saodah Wok et al. (2006) pula berpendapat bahawa kewujudan media pada hari ini sememangnya mampu memberikan kesan ataupun impak tertentu kepada golongan penonton. Kesan-kesan tersebut boleh dibahagikan kepada beberapa peringkat tertentu. Menurut beliau lagi, pada sekitar tahun 1930an hinggalah ke tahun 1940an, media dianggap sangat berkuasa dan berpengaruh sehingga mampu untuk mempengaruhi khalayak yang telah menggunakannya. Keadaan ini adalah kerana, media telah dilihat sebagai suatu medium yang sangat berpengaruh serta mempunyai peranan yang sangat luas sehinggakan semua golongan mampu terdedah kepada penggunaannya. Hashim et al. (2008) pula berpendapat bahawa sejak akhir-akhir ini, gejala sosial dan jenayah yang membabitkan golongan muda seperti remaja semakin hangat dilaporkan di dada-dada akhbar tempatan mahupun luar negara. Keadaan ini juga turut melibatkan golongan gadis yang sering kali menjadi mangsa terhadap kekejaman. Sehubungan dengan itu, ada juga yang terlibat secara langsung terhadap aktiviti jenayah yang telah dilaporkan. Menurut beliau lagi, terdapat juga sesetengah daripada golongan gadis tersebut yang bertindak secara agresif sehingga mengakibatkan perkara-perkara yang tidak baik berlaku. Selain itu, beliau juga berpendapat bahawa masalah sedemikian telah lama diperbincangkan menerusi kajian-kajian akademik bagi mengetahui punca terhadap masalah sosial yang berlaku dalam kalangan remaja tersebut. Kementerian melalui pelbagai agensi, persatuan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) turut mengambil bahagian bagi mengatasi masalah ini daripada berterusan.

Wacana Awam

Wacana mempunyai pelbagai takrifan berhubung dengan maksudnya. Takrifan-takrifan tersebut, antaranya menganggap bahawa wacana merupakan sebahagian daripada proses komunikasi verbal yang dilakukan menerusi percakapan ataupun sesuatu ucapan. Selain itu, ada juga yang menganggap bahawa wacana adalah sebuah perlakuan yang formal dari sudut subjek yang wujud dalam sesebuah ucapan ataupun sesebuah hasil penulisan. Seterusnya adalah takrifan mengenai wacana juga boleh diterangkan melalui sebuah unit teks yang digunakan dalam bidang bahasa untuk membuat penganalisaan terhadap penyatuan ayat lebih daripada kalimah. Barbara Johnstone (2008) di dalam buku karyanya yang bertajuk *Discourse Analysis*, telah menyatakan pendapatnya bahawa :

“discourse’ usually means actual instances of communication in the medium of language”.

Kenyataan tersebut bermaksud, wacana merupakan medium komunikasi yang digunakan dalam sesebuah bahasa. Selain itu, Roger Fowler pula telah mendefinisikan wacana adalah proses komunikasi secara lisan ataupun menerusi sesuatu hasil penulisan yang terhasil daripada sesuatu kepercayaan, nilai dan kategori yang terkandung didalamnya. Kepercayaan yang dinyatakan tersebut termasuklah pandangan dunia terhadap sesebuah organisasi ataupun representasi terhadap sesuatu pengalaman yang telah dilalui. Menurut Fairclough (1995), wacana merupakan contoh-contoh lain daripada aktiviti semiotik, contohnya menerusi imej visual seperti fotografi, filem, video, rajah dan juga proses komunikasi secara bukan lisan melalui pergerakan anggota badan yang mampu menghasilkan sesuatu makna.

Analisis Wacana Kritis (*Critical Discourse Analysis*)

Sejarah wujudnya Analisis Wacana Kritis (CDA) bermula pada tahun 1970an di mana kemunculan wacana dan analisis teks yang telah mengiktirafkan bahasa sebagai salah satu kuasa yang memainkan peranan yang penting dalam melihat hubungannya dengan masyarakat, (Antonissen, 2001). Menurut sumber ini juga, pada tahun tersebut, kebanyakan kajian berhubung dengan bahasa lebih berfokus kepada aspek formal mengenai bidang bahasa sahaja (Chomsky, 1957). Sehubungan dengan itu, Labov (1972) & Hymes (1972) pula berpendapat bahawa kebanyakan penyelidik sosiolinguistik pada tahun tersebut lebih berfokus terhadap penerangan dan gambaran terhadap kepelbagaian bahasa dan perubahan bahasa serta struktur dalam proses komunikasi, dengan perhatian yang amat terhad melalui isu-isu hierarki sosial dan kuasa. Secara keseluruhannya, menurut Van Dijk (1986:4), beliau berpendapat bahawa sains kritikal merupakan salah satu usaha untuk mendapatkan maklumat dengan lebih lanjut mengenai sesuatu perkara, contohnya mengenai sesuatu minat, tanggung jawab dan juga ideologi. Beliau juga berpendapat bahawa daripada memberikan tumpuan terhadap masalah akademik dan teori semata-mata, adalah lebih baik sekiranya dimulakan dengan melihat dari segi masalah sosial dengan melihat secara mendalam mengenai perspektif masyarakat yang menderita dan menjadi mangsa dengan menganalisis mereka secara kritikal terhadap terhadap sesuatu masalah, kerana mereka mempunyai cara-cara tertentu untuk mengatasi masalah tersebut. Fairclough dan Wodak (1997) menyatakan bahawa terma Kritik Bahasa (*Critical Linguistics*) dan Analisis Wacana Kritis (*Critical Discourse Analysis*) merupakan antara kaedah kajian yang sering kali digunakan oleh penyelidik. Namun, sejak akhir-akhir ini, kaedah Kritik Analisis Wacana (CDA) menjadi pilihan bagi melihat teori yang dahulunya dikenali sebagai Kritik Bahasa (CL). Wodak (2000) menyatakan bahawa dalam menggunakan kaedah Analisis Wacana Kritis (CDA), konteks dalam penggunaan bahasa adalah penting. Namun begitu, CDA dilihat banyak digunakan dalam kajian-kajian tertentu, contohnya dalam melihat hubungan di antara bahasa dan juga kuasa. Pada masa kini, CDA di lihat sering kali digunakan oleh penyelidik dalam melihat dengan lebih lanjut mengenai kritikan terhadap kaedah bahasa dalam sesuatu teks untuk menjadikan satu unit asas dalam proses komunikasi. Kajian tersebut lebih melihat dengan lebih terperinci terhadap sesebuah institusi, politik, jantina, dan juga sumber sesuatu media. Wodak R, (2001) menyatakan bahawa terdapat

banyak pandangan berhubung dengan istilah ktitik oleh beberapa ahli dalam bidang bahasa. Sehubungan dengan itu, Fairclough (1985) juga berpendapat bahawa, dalam melihat perkara yang berkaitan dengan kehidupan manusia, sememangnya memiliki hubungan dan perkaitan yang begitu ketara. Hal ini tidak mustahil sekiranya sesuatu perundangan dan kuat kuasa boleh berlaku ketidak tulusan apabila dilihat melalui penglihatan. Oleh itu, CDA dilihat pada asasnya mementingkan penganalisaan yang lengkap dan jujur berhubung dengan struktur dominasi, diskriminasi, kuasa serta kawalan seperti mana yang terkandung dalam manifestasi sesuatu bahasa. CDA juga adalah bertujuan untuk mengkaji secara kritikal mengenai perbezaan dan ketidak samaan sosial, kerana ianya memiliki kebenaran dan disahkan dengan penggunaan bahasa ataupun dalam sesuatu wacana. Kebanyakan penganalisis CDA bersetuju dengan pandangan Harbermas yang menyatakan bahawa bahasa merupakan antara medium yang memiliki kuasa sosial, di mana ianya mampu untuk memberikan sesuatu kebenaran terhadap sesuatu kuasa dan boleh dilihat sebagai sebuah ideologi. Fairclough & Kress (1993) berpendapat bahawa kedua-dua keterangan berhubung dengan proses sosial dan struktur mampu untuk meningkatkan pengeluaran teks, struktur sosial, dan proses, contohnya adalah situasi di mana individu ataupun sesebuah kumpulan berbincang mengenai mata pelajaran Sejarah, keadaan tersebut mewujudkan makna melalui interaksi mereka terhadap sesuatu teks. CDA menjadi lebih penting dan berkesan dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan penganalisaan identiti. Isu-isu yang biasanya digunakan dengan menggunakan CDA adalah seperti, isu yang berkaitan dengan jantina dan isu perkauman. (Wodak et al., 1999; Blommaert & Verschueren, 1999; Van Dijk, 1998). Hasil-hasil kajian atau karya yang berkaitan dengan CDA mula di jumpai dalam jurnal yang telah dihasilkan oleh Van Dijk pada tahun (1990) berhubung dengan Wacana dan Masyarakat. Setelah itu, terdapat juga buku-buku berkaitan dengan CDA yang telah dihasilkan oleh Norman Fairclough pada tahun 1989 yang bertajuk *Language and Power*. Di ikuti oleh buku karya Wodak (1989) yang bertajuk *Language, Power and Ideology*. Sehubungan dengan itu, Teun Van Dijk juga turut menghasilkan buku yang bertajuk *Racism, Prejudice in Discourse* pada tahun 1984. Selain itu, Kress (1990) telah memberikan pelbagai teori asas dan juga sumber berhubung dengan kritikan bahasa. Dalam karya Kress tersebut, banyak andaian asas berhubung dengan kewujudan CDA pada peringkat awal dan telah dihuraikan melalui perkembangan teori. Andai-andaian asas tersebut adalah seperti:

- 1) Bahasa merupakan satu fenomena sosial;
- 2) Bukan sahaja individu, kumpulan sosial juga turut memberikan makna dan nilai melalui cara yang sistematik;
- 3) Teks merupakan unit yang berkaitan dengan bahasa dan komunikasi;
- 4) Pembaca ataupun pendengar bukan penerima pasif dalam hubungannya dengan teks;
- 5) Terdapat persamaan di antara bahasa Sains dan bahasa sesuatu institusi dan sebagainya. (Kress, 1989)

Pandangan Kress (1989) dilihat lebih bertumpu dan berfokus terhadap isu-isu yang berkaitan dengan 'Politik Ekonomi' dalam melihat hubungannya dengan media iaitu dalam usaha melihat bagaimana kepelbagaian nilai dalam sesebuah masyarakat yang mewakili mod perwakilan, dan bagai mana mereka menggunakan kaedah yang berbeza dalam menyampaikan sesuatu maklumat ataupun idea.

Penglibatan Media Dalam Meme

Meme merupakan salah satu medium yang boleh digunakan untuk menyampaikan sesuatu maklumat dan sesuatu informasi kepada seseorang individu mahupun masyarakat. Hal ini adalah kerana, meme dilihat mampu memberikan kesan serta impak yang tertentu kepada golongan yang menerimanya. Oleh yang demikian, keadaan ini secara tidak langsung telah menampakkan penglibatan yang begitu dominan di antara meme dan juga media massa yang telah wujud pada hari ini, antaranya adalah seperti media internet, telefon dan sebagainya. Sehubungan dengan itu, Kirby (2009) telah menyatakan rasa kebimbangan terhadap fenomena-fenomena di media massa contohnya menerusi meme, dengan memasukkan elemen yang pada kebiasannya digunakan dalam kalangan kanak-kanak. Sebagai contoh

adalah menerusi penglibatan teks kanak-kanak yang telah diditiru dan diadaptasikan oleh orang dewasa dalam penghasilan sesuatu meme. Menurut beliau, kanak-kanak merupakan golongan yang begitu tulus dan jujur penerimaannya terhadap sesuatu perkara. Keadaan ini menjadi semakin membimbangkan apabila golongan kanak-kanak mempercayai secara terus akan maklumat yang disalurkan menerusi meme yang telah dihasilkan. Peniruan tersebut sememangnya akan menyebabkan pelbagai kandungan yang negatif terdedah kepada golongan kanak-kanak tersebut. Selain itu, Kirby juga turut menyatakan ketidak puasaan hati beliau terhadap penghasilan sesuatu meme yang telah menggunakan gambar-gambar kartun tertentu dalam penghasilan sesuatu meme, kerana keadaan tersebut akan lebih memudahkan kanak-kanak tertarik mengenai sesuatu meme yang tidak diketahui akan kebenarannya. Keadaan ini merupakan salah satu faktor yang mampu mempengaruhi pemikiran kanak-kanak terhadap tingkah laku seharian mereka. Oleh itu, penggunaan animasi kartun dalam penghasilan sesuatu meme haruslah dilihat dengan mendalam supaya setiap meme yang dihasilkan tidak memberikan kesan ataupun impak yang tidak baik kepada golongan yang mengemari siaran animasi kartun, terutamanya golongan kanak-kanak. Ito et al. (2010) & Jenkins (2006) telah menyatakan bahawa bagi mengelakkan berlakunya penyalahgunaan kandungan dalam penggunaan media, penglibatan terhadap sesuatu media haruslah dibuat perincian terhadap kesan kandungan dan tujuannya bagi mengelak daripada membawa kepada kesan-kesan yang berunsur negatif dan tidak baik, contohnya kepada golongan penerimanya seperti generasi muda. Selain itu, N. Baym (2010), telah berpendapat bahawa sesuatu penghasilan meme tidak akan wujud serta menjadi sesuatu fenomena yang luar biasa sekiranya tiada faktor-faktor luaran yang mendukung terhadap penghasilan meme tersebut, contohnya adalah seperti perkembangan teknologi serta media digital yang berperanan sebagai pengantara terhadap kemunculan sesuatu meme yang telah dihasilkan. Shifman (2011) pula berpendapat bahawa penglibatan media melalui meme dilihat sebagai salah satu dasar terhadap kewujudan budaya bagi melindungi daripada sesuatu kelemahan terhadap sesuatu lambag dalam sesuatu penyertaan media. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa kehadiran meme sememangnya membawa makna yang tertentu terhadap penglibatannya dalam sesuatu media. Kewujudan media digital pada hari ini dilihat sebagai salah satu medium pengantara yang sangat berkesan bagi memudahkan sesuatu proses komunikasi tanpa ada sebarang sekatan dan sempdan. G. Baym & Shah (2011) berpendapat bahawa siaran *The Daily Show* dan *The Colbert Report* yang dipersembahkan secara klip video di laman web telah diibaratkan seperti rancangan televisyen kerana telah dipersembahkan secara kerap seperti mana rancangan-rancangan yang disiarkan di rangkaian media televisyen tradisional. Sehubungan dengan itu, Ryan (2012) menyatakan bahawa dalam penghasilan sesuatu meme, proses replikasi merupakan salah satu proses gabungan yang agak penting dan perlu diberikan penekanan. Hal ini adalah kerana, sesuatu meme tidak akan dianggap meme sekiranya tiada proses replikasi ataupun peniruan tersebut. Sebagai contoh yang jelas adalah melalui proses penghasilan muzik *Mushups* yang telah dihasilkan melalui daya kreativiti yang dilakukan melalui peniruan terhadap muzik yang sebelumnya. Peniruan tersebut merupakan salah satu contoh serta ciri-ciri yang paling ketara dalam sesuatu meme yang dihasilkan. Peniruan dalam sesuatu meme bukan hanya sesuatu peniruan terhadap sesuatu gambar secara grafik sehaja, malah boleh wujud dalam bentuk muzik yang berbentuk audio dan sebagainya bagi mempamirkan sesuatu idea yang telah difikirkan oleh seseorang individu. Kenyataan tersebut sememangnya berpadanan dengan pendapat yang telah disuarakan oleh Dawkins (1976) yang menegaskan bahawa proses yang paling penting dalam penghasilan sesuatu meme adalah melalui proses peniruan. Peniruan melalui teknologi yang digunakan merupakan salah satu penglibatan meme dalam sesebuah media. Media digital dilihat sebagai salah satu medium yang berpotensi dalam meningkatkan proses interaksi yang berlaku dalam kehidupan masyarakat pada hari ini. Fornas (2002) telah membahaskan tentang proses interaksi yang telah berlaku dalam individu dan secara langsung turut melibatkan penggunaan sesuatu media, sebagai contoh adalah proses komunikasi yang menggunakan medium komunikasi yang berteknologi. Interaksi sosial tersebut ini berlaku bukan hanya dalam kalangan individu tersebut sahaja, malah mampu untuk menghubungkan

seseorang pengguna dengan pengguna yang lain dalam satu masa tanpa ada sebarang sekatan yang menghalangnya seperti dari segi usia, bangsa, kedudukan, budaya dan sebagainya. Manakala, N. Baym (2010) telah memberi mata capaian terhadap media pengatara digital ini. Beliau menerangkan bahawa, apabila seseorang berinteraksi dan berbincang dengan individu lain berhubung dengan perkara peribadi, maka ianya dianggap sebagai capaian pengguna yang begitu luas. Maklumat yang menarik yang telah dikongsikan dengan pengguna yang lain akan diserap dan diterima oleh pengguna yang baharu tersebut. Proses penerimaan yang telah berlangsung tersebut adalah salah satu faktor penyebab kepada sesuatu maklumat yang telah dikongsikan. Perkara ini boleh dilihat melalui paparan video Justin Bieber menerusi rangkaian media *Youtube* yang telah menjadi tarikan kepada peminatnya. Bilangan penonton yang tinggi terhadap video tersebut telah memberikan makna dan tanda (*sign*) terhadap keadaan yang telah berlaku tersebut, dimana bilangan penonton yang tinggi menunjukkan bahawa peminatnya sentiasa peka dan berminat untuk mengetahui perkembangan seni yang telah dihasilkan olehnya. Keadaan yang berlaku ini jelas menunjukkan bahawa penglibatan media menerusi meme begitu jelas serta tidak perlu disangkalkan lagi. Sehubungan dengan itu, Ryan (2012) pula berpendapat bahawa pencapaian yang diutamakan oleh seseorang penghasil meme adalah menerusi penerimaan dan perkongsian terhadap meme yang telah dihasilkan. Keadaan ini merujuk kepada sejauh manakah meme yang telah dihasilkan tersebut mampu mempengaruhi gaya hidup masyarakat yang menerimanya serta tindakan mereka untuk berkongsi maklumat meme tersebut kepada individu yang lain. Namun begitu, kewujudan media dan teknologi tersebut sendiri merupakan salah satu bentuk penyertaan media yang telah dihasilkan melalui meme, contohnya melalui perkongsian yang telah dilakukan (Grossman, 2006). Kewujudan meme pada hari ini dilihat sebagai salah satu wacana yang menarik dan menonjol serta masih giat dibincangkan oleh golongan penyelidik dan pakar dalam bidang berkenaan.

Meme Sebagai Wacana Awam

Teks sosial merupakan sesuatu artifak yang boleh diperolehi daripada sesuatu penyertaan media dan juga mampu memberi makna yang mendalam terhadap realiti kehidupan sebenar manusia. Proses kebenaran biasanya berlaku melalui percanggahan pendapat dan pandangan yang berlaku bagi mendalami dan mengetahui sesuatu artifak yang dikaji yang berbentuk tekstual tersebut. Proses interaksi di antara wacana teks mikro dan makro berlaku secara berulang. Oleh yang demikian, perlambangan teks sesuatu wacana terhasil melalui wacana teks yang dihasilkan pada peringkat seterusnya. Menurut Bakhtin (1952; 1986), wacana masyarakat merupakan sesuatu perkara yang ditiru supaya perkara tersebut menjadi sesuatu perkara yang perlu diikuti serta menjadi trend dalam diri seseorang individu. Hanks (1989) pula berpendapat bahawa asas kepada penghasilan sesuatu teks sosial seperti meme bertujuan untuk menyampaikan sesuatu maklumat melalui ucapan ataupun perbuatan yang berbentuk kekerasan. Perkara ini merupakan salah satu medium ataupun instrumen yang berkesan untuk melihat sesuatu fenomena secara perdebatan, contohnya seperti perbincangan terhadap sesuatu parti politik. Pandangan ini turut diperkukuhkan lagi dengan pandangan (Fairclough, 2003; Tracy, 2001; Wodak & Mayer, 2009) yang berpendapat bahawa wujudnya amalan sosial dalam sesebuah kenyataan ayat, contohnya melalui sesebuah wacana. Selain itu, Ryan (2012) menyuarakan pendapat bahawa teks sosial seperti meme merupakan pengukuh bagi teks makro dan juga micro. Menurut beliau lagi, bagi melihat penyertaan sesuatu media dengan lebih jelas, keadaan tersebut dapat menjelaskan dengan lebih mendalam dan terperinci bagai manakah sesuatu wacana media boleh terbentuk. Hal ini adalah kerana wacana merupakan sesuatu sumber maklumat yang sememangnya agak sukar untuk dipadatkan dan diringkaskan. Walaupun telah dikategorikan dalam bidang yang telah dikhaskan, namun analisis wacana dilihat mampu untuk digunakan dalam pelbagai bidang dan kaedah bergantung kepada keadaan dan situasi sama ada dalam bidang penyelidikan tradisional mahupun dalam penerbitan sesebuah buku dan sebagainya. Selain itu, Michel Foucault (1968; 1969; 1972; 1991) pula telah menghasilkan kritikan wacana menarik kerana jelas menerangkan tujuan serta hubungan di antara teks dan juga wacana yang

telah diterbitkan. Foucault (1971 & 1972) juga menjelaskan bahawa 'kenyataan berhubung dengan wacana' merupakan sesuatu maklumat yang masih belum menjadi realiti. Beliau berpendapat bahawa sesuatu wacana masyarakat terhasil daripada sebelum berlakunya kebenaran, dan bukanlah selepas kebenaran diperolehi. Kebenaran merupakan kaedah ataupun cara sesuatu proses komunikasi berlaku untuk membincangkan mengenai sesuatu perkara. Oleh yang demikian, tidak hairanlah sekiranya sesuatu budaya itu terbentuk melalui artifak tekstual. Walaupun sesuatu wacana yang dibuat membentuk kebenaran, namun wacana tersebut tidak semestinya akan mencerminkan secara keseluruhan wacana yang telah dihasilkan. Selain itu, Foucault (1969 & 1972) bersetuju bahawa wujudnya ketidak jelasan berhubung dengan sesuatu isu ataupun perkara. Fairclough (1989) menyuarakan pendapat bahawa pernyataan tersebut adalah sangat tepat dalam menentukan sifat ataupun ciri-ciri sesuatu wacana dan beliau juga berpendapat bahawa seseorang individu akan berusaha untuk menghasilkan interaksi sosial. Sehubungan dengan itu, Wodak dan Meyer (2009) pula berpendapat bahawa amalan sosial seseorang individu sememangnya dipengaruhi oleh penggunaan sesuatu tatabahasa bagi menerangkan mengenai sesuatu ayat yang telah dibentuk. Sehubungan dengan itu, mereka juga turut mengatakan bahawa wacana merujuk kepada dua tahap di antara teks daripada seseorang individu dengan sumber maklumat ataupun idea yang cuba untuk diketengahkan. Keadaan ini adalah sesuatu yang benar-benar wujud, walaupun terdapat sesetengah individu yang menyuarakan pandangan bahawa wacana merupakan sesuatu maklumat dan idea yang kurang jelas dan tidak mendalam berhubung dengan sesuatu perkara. Sesuatu artifak budaya seperti meme merupakan sesuatu yang amat berharga dalam wacana awam. Kuipers (2002), telah membuat pemerhatian mengenai bahan lawak jenaka untuk melihat sama ada bahan tersebut merupakan medium perantara mahupun sebaliknya. Lontaran daripada perkara tersebut, beliau menyatakan bahawa bahan lawak jenaka juga merupakan sebahagian daripada sesuatu wacana awam. Perbezaan yang begitu ketara dan perubahan yang begitu pantas mengenai isu ini adalah disebabkan oleh ketiadaan pengarang yang mampu menerangkan dengan lebih jelas serta merentasi sempadan sesebuah negara. Perbezaan yang wujud ini juga terhasil daripada perbezaan sosial dan juga kekurangan wacana yang bermutu dan berkualiti. Bourdieu (1984), telah mengkategorikan perkara ini sebagai sesuatu hiburan dan juga makanan terhadap sesuatu penyebaran sesebuah budaya. Oleh yang demikian, meme sememangnya amat berpengaruh terhadap kehidupan masyarakat. Habdige (1979) sentiasa mengadakan demonstrasi berhubung dengan wacana dalam budaya yang pelbagai. Oleh itu, beliau mendapati bahawa paras rupa dan reaksi muka seseorang merupakan salah satu peringkat yang pasti akan berlaku dalam penghasilan sesuatu tanda (*Sign*). Sehubungan dengan itu, Ryan (2012) telah menyuarakan pandangan bahawa perbezaan terhadap sesuatu budaya yang popular adalah bergantung kepada faktor yang mempengaruhi sesuatu wacana tersebut untuk dihasilkan. Perkara ini bergantung kepada cara dan kaedah yang digunakan oleh seseorang untuk mengisi masa dan ruang yang ada dan bagai manakah seseorang itu mbingkaikan sesuatu reaksi dan tindakan terhadap sesuatu perkara yang berlaku, sebagai contoh adalah dari segi pangkat, kedudukan, status pendidikan dan sebagainya. Menurut Dahlgren, 2009; Hermes, 2006; Van Zoonen, 2005, kebanyakan penyelidik lebih berminat untuk mengkaji tentang sesuatu budaya dalam sesebuah wacana yang ingin dihasilkan. Dalam pada itu, Dahlgren (2009) berpendapat bahawa, sesuatu pencapaian yang paling berharga apabila sesuatu wacana awam yang dihasilkan dapat menarik perhatian orang awam untuk membacanya dan seterusnya diperbincangkan secara meluas. Semakin ramai yang mengambil bahagian dalam sesuatu perbincangan mengenai wacana yang telah dihasilkan, maka semakin mudahlah proses untuk menghasilkan sesuatu wacana. Menurut (Babcock & Whitehouse, 2005; Corner & Pels, 2003; Weiskel, 2005) antara masalah yang sentiasa menjadi kebimbangan dalam penghasilan sesuatu wacana adalah menerusi pengaruh negatif daripada pihak lain terhadap wacana yang telah dihasilkan.

PENYATAAN MASALAH

Perkembangan dan kemajuan dalam bidang teknologi komunikasi telah banyak membawa pelbagai kemudahan kepada manusia untuk berkomunikasi dan berinteraksi di antara satu sama lain. Kewujudan medium teknologi seperti internet merupakan salah satu faktor pendorong yang telah banyak menggalakkan penghasilan dan penyebaran sesuatu maklumat sama ada dalam bentuk grafik, visual dan sebagainya. Kesemua maklumat yang disalurkan ini akan menjadi lebih mudah dan pantas dengan adanya kemudahan teknologi komunikasi pada hari ini. Meme merupakan salah satu maklumat yang seringkali dikongsi ataupun diviralkan melalui internet, sama ada menerusi laman sosial, blog dan sebagainya. Keunikan yang ada pada meme adalah isi kandungan yang terdapat di dalamnya sama ada berbentuk visual ataupun audio yang di lihat mampu memberikan maklumat, pengajaran serta impak yang mendalam kepada seseorang pengguna tanpa perlu bersua muka ataupun sebagainya. Kewujudan meme dilihat semakin meriah apabila mendapat penerimaan dan menjadi perbincangan yang mendalam dalam sesebuah media, sama ada bersetuju ataupun sebaliknya mengenai kandungan sesebuah meme yang telah dihasilkan. Namun begitu, apa yang menjadi kebimbangan pada hari ini adalah, perkongsian maklumat menerusi meme yang membawa maklumat yang tidak benar sehingga membawa kepada masalah seperti fitnah dan juga ghibah (mengumpat) dalam kalangan masyarakat pada hari ini. Keadaan ini menjadi lebih jelas apabila banyak laporan di dada-dada akhbar dan melalui media internet yang melaporkan mengenai masalah menyebarkan maklumat palsu seseorang sehingga mampu menjejaskan kredibiliti dan mampu menjatuhkan maruah seseorang dengan hanya menggunakan meme, antaranya adalah melalui keratan akhbar Sinar Harian bertarikh 22 Mac 2015 yang bertajuk "KJ: Siapalah tiada kerja edit gambar fitnah" telah melaporkan luahan rasa hati Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar yang telah membuat penafian terhadap penyebaran kenyataan beliau berhubung dengan gambar yang telah diedit oleh pihak-pihak tertentu yang menyatakan bahawa beliau tidak akan pergi ke Kelantan sekiranya hukum hudud dilaksanakan di negeri berkenaan. Beliau menyatakan bahawa gambar tersebut telah disunting dengan menggunakan perisian *photoshop*. Selain itu, beliau sama sekali tidak pernah mengeluarkan sebarang bentuk kenyataan dan pandangan seperti yang telah dilaporkan di dalam gambar tersebut. Oleh itu, kajian ini akan melihat mengenai fenomena memahami meme sebagai seloka harian: impak dimensi sosiobudaya dan politik.

METODOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk kualitatif, iaitu satu kaedah kajian yang dijalankan tanpa menggunakan sebarang perangkaan (*nonnumerical knowledge*). Kaedah kualitatif merangkumi tiga reka bentuk kajian iaitu kumpulan fokus, analisis teks dan kajian kes. Namun dalam kajian ini, penyelidik telah menggunakan analisis teks dengan menggunakan pendekatan analisis wacana kritis media oleh Fairclough (1985). Selain itu, analisis teks dalam kajian ini akan di nilai dengan menggunakan beberapa buah meme yang dipilih bagi melihat penglibatan media dan juga wacana awam di dalamnya. Kesemua meme tersebut telah diperolehi menerusi laman sosial *Facebook* kerana dilihat mempunyai pengikut dan pengguna yang ramai jika dibandingkan dengan media yang lain.

Kerangka Teori Analisis Wacana Kritis Media Fairclough (1985)

Dalam makalah ini, penyelidik telah menggunakan pendekatan analisis wacana kritis media yang telah diperkenalkan oleh Fairclough (1985). Dalam pendekatan tersebut, beliau telah memberi penekanan terhadap wacana dari aspek bahasa dan juga dari aspek teks. Fairclough beranggapan bahawa analisis wacana kritis merupakan satu kaedah penggunaan bahasa yang digunakan oleh kelompok-kelompok tertentu bagi menerangkan mengenai pandangan dan ideologi terhadap sesuatu perkara. Sehubungan dengan itu, analisis ini juga adalah bertujuan untuk melihat dari segi penggunaan bahasa dan juga tulisan

sebagai praktik sosial yang akan memberikan perkaitan terhadap sesuatu isu ataupun peristiwa yang berlaku, di samping menyampaikan sesuatu ideologi seseorang individu ataupun sesebuah kumpulan tertentu. Berdasarkan kepada pendekatan tersebut, Fairclough telah menekankan mengenai tiga aspek yang perlu diterapkan dalam analisis wacana kritis, dimana kesemua aspek tersebut merangkumi teks, praktik wacana dan juga praktik sosial budaya. Dari aspek teks, ianya berkait rapat dengan penggunaan bahasa ataupun linguistik sama ada dalam proses menghuraikan mengenai sesuatu bentuk dan makna yang terkandung dalam sesebuah wacana media. Kewujudan teks bukan hanya dikategorikan dalam bentuk bertulis, malah boleh hadir dalam pelbagai bentuk seperti perbualan, gambar, bunyi, warna dan sebagainya. Segala maklumat yang dimuat naik ke laman sosial juga boleh diklasifikasikan sebagai teks. Aspek ataupun dimensi yang kedua pula adalah dari segi praktik wacana. Dalam aspek yang kedua ini, sesebuah analisis yang berkaitan dengan kaedah ataupun cara pembentukan sesebuah wacana dan melihat bagaimanakah sesuatu wacana itu dapat dibentuk sehingga mampu untuk ditafsirkan oleh khalayak yang melihat meme yang telah dihasilkan. Sehubungan dengan itu, aspek yang ketiga pula adalah praktik sosial budaya juga dapat dirujuk terhadap konteks sosial yang terdapat di luar media sehingga mampu untuk mempengaruhi pembentukan wacana yang ada dalam sesebuah media. Kerangka teori kajian ini adalah dengan menggunakan analisis wacana kritis media. Terdapat beberapa pendekatan dalam analisis wacana media seperti yang telah dinyatakan oleh Teun A. Van Dijk, Norman Fairclough dan Wodak. Analisis Wacana Kritis ialah satu proses penghuraian untuk memberi penjelasan terhadap sebuah teks yang dikaji oleh seseorang dengan cara yang lebih mendalam dan kritikal. Antara prinsip untuk teori ini ialah melalui tindakan. Wacana perlu difahami sebagai satu bentuk tindakan di mana keadaan tersebut menunjukkan bahawa wacana juga merupakan satu bentuk interaksi. Wacana bukan ditempatkan dalam satu ruang tertutup dan bersifat internal, malah wacana sebenarnya dipandang sebagai sesuatu yang dilakukan untuk dikaji oleh sesebuah kelompok, contohnya masyarakat.

Proses Analisis Kajian

Berikut ialah proses bagi memudahkan langkah-langkah yang dijalankan dalam proses menganalisis data kajian. Terdapat beberapa peringkat dalam pengendalian proses analisis ini iaitu (1) mengumpulkan data, (2) memilih data, (3) mengaplikasikan tiga dimensi analisis wacana kritis Fairclough, dan (4) penulisan hasil dapatan kajian. Tahap pertama ialah mengumpulkan data untuk kajian ini. Data yang dimaksudkan ialah meme yang terpilih untuk dianalisis oleh penyelidik bersesuaian dengan tajuk kajian meme sebagai satu hiburan berbentuk multi nilai di media sosial. Pengumpulan data dilakukan dengan menggunakan media sosial iaitu *Facebook* di mana penyelidik ingin melihat penglibatan media tersebut dalam meme yang telah dihasilkan. Meme yang dikumpulkan merupakan wacana untuk dikaji. Tahap kedua ialah memilih data. Setelah meme dikumpulkan, tiga meme terbaik akan dipilih bagi melihat kandungannya serta dikaitkan dengan teori analisis wacana kritis (CDA). Proses ini perlu bagi melihat perkaitan kandungannya terhadap teori tersebut. kandungan wacana yang terdapat dalam meme tersebut membolehkan penyelidik mentafsir secara kritikal untuk mendapatkan data yang berkualiti. Pemilihan tiga meme ini juga adalah berdasarkan isu-isu yang menjadi trend dalam lingkungan masa kajian dilakukan. Seterusnya, tahap ketiga ialah mengaplikasikan tiga dimensi analisis wacana kritis Fairclough iaitu teks, praktik wacana dan praktik sosial budaya. Teks dalam meme juga akan dikajikan dengan mengaplikasikan teori ini. Manakala tahap terakhir iaitu penulisan hasil dapatan. Persembahan dapatan kajian ini dilakukan secara deduktif, iaitu hasil analisis dimulakan dengan merumuskan dan membincangkan wacana yang memberikan implikasi kepada sosiobudaya masyarakat. Persoalan-persoalan kajian akan dijawab berdasarkan kepada hasil dapatan kajian yang diperoleh melalui proses analisis teks meme tersebut. Meme akan dilihat dari satu konteks yang besar dengan pertimbangan kepada tajuk kajian iaitu untuk melihat fenomena memahami meme sebagai seloka harian: impak dimensi sosiobudaya dan politik.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kesemua meme yang digunakan dalam makalah ini telah diperolehi daripada laman sosial *Facebook*. Pemilihan laman sosial *Facebook* dilihat masih lagi relevan dengan keadaan semasa, walaupun sejak akhir-akhir ini, telah wujud pelbagai laman sosial yang baharu serta memiliki keistimewaannya tersendiri. Menurut Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dalam kajian mengenai pengguna Internet di Malaysia pada tahun 2014, hasil laporan kajian tersebut mendapati bahawa laman sosial *Facebook* masih lagi mendapat perhatian dan aktif digunakan sehingga kini, walaupun pemiliknya memiliki akaun-akaun laman sosial yang lain. Menurut perangkaan yang telah dikeluarkan dalam laporan tersebut, *Facebook* masih lagi mengungguli jumlah pengguna laman sosial yang tertinggi iaitu mencatat jumlah sebanyak 86.8%, manakala hanya 13.25 sahaja tidak mempunyai akaun *Facebook*. Sehubungan dengan itu, laporan tersebut juga menyatakan bahawa terdapat juga pengguna yang mempunyai akaun *Facebook* lebih daripada satu akaun. Keadaan ini telah menyebabkan penyelidik telah memilih laman sosial *Facebook* sebagai ruang untuk menguji penglibatan media dalam meme. Sehubungan dengan itu, laporan SKMM pada tahun 2013 telah mencatatkan bahawa pihak SKMM telah menerima aduan berkaitan dengan penyalahgunaan media internet pada tahun tersebut. Berdasarkan kepada statistik laporan tersebut, laman sosial di lihat menduduki tempat kedua tertinggi jumlah aduan dan siasatan pada tahun tersebut, iaitu dengan jumlah aduan dan siasatan sebanyak 68 kes yang meliputi kesalahan seperti kandungan lucah, sumbang, palsu, mengancam dan jelik. Kesemua kesalahan ini adalah di bawah kategori seksyen 233. Keadaan ini telah memperkuatkan lagi justifikasi penyelidik untuk memilih laman sosial *Facebook* sebagai ruang media pilihan. Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, meme merupakan salah satu media yang digunakan untuk menyampaikan idea mahupun maklumat tertentu dan akhirnya diviralkan kepada pengguna yang lain, sama ada dalam bentuk bergambar (visual), bunyi (audio) dan sebagainya. Kehadiran meme sememangnya dilihat sebagai suatu seloka hiburan ataupun satira yang membawa pelbagai jenis bentuk penceritaan di dalamnya. Meme juga boleh dilihat sebagai medan ataupun ruang untuk menentang ataupun meluahkan perasaan tanpa melibatkan pergaduhan secara fizikal. Seseorang yang menghasilkan meme lazimnya akan membangkitkan sesuatu isu untuk diperdebatkan di media sosial dan sebagainya. Keadaan yang berlaku tersebut, akan membawa kepada pelbagai jenis pandangan, pendapat serta suara hati seseorang berhubung dengan kandungan meme yang telah pun diterima. Dalam makalah ini, penyelidik akan menganalisa beberapa jenis meme yang telah dipilih melalui laman sosial *Facebook* untuk melihat fenomena memahami meme sebagai seloka harian: impak dimensi sosiobudaya dan politik. Hasil kajian dan perbincangan dalam kajian ini adalah seperti berikut:



Gambar Rajah 1: Meme Raja Bomoh Malaysia Mencari Pesawat MH370 Yang Hilang

Rajah 1 di atas menunjukkan sebuah meme yang terhasil selepas berlakunya musibah yang melanda negara, iaitu tragedi kehilangan pesawat Malaysia Airlines MH370 yang sehingga kini masih menjadi tanda tanya dan misteri dalam arena penerbangan dunia. Akibat daripada tragedi tersebut, maka lahirlah sekumpulan aktivis yang dikenali sebagai Raja Bomoh Malaysia dalam usaha mencari pesawat yang hilang tersebut. Terdapat banyak spekulasi dan tanggapan negatif telah dilemparkan kepada kumpulan tersebut akibat daripada tindakan yang telah dilakukan oleh mereka dalam misi mencari pesawat tersebut. Keadaan ini menjadi semakin kritikal apabila segala usaha dan tindakan yang dilakukan oleh kumpulan tersebut amat bertentangan dengan norma dan budaya masyarakat yang menjadikan agama Islam sebagai agama rasmi di dalam negara tersebut. Berdasarkan kepada kejadian tersebut, maka wujud pelbagai versi meme bagi membawa isu tersebut melalui pelbagai jenis media sosial. Bukan hanya menjadi bahan jenaka, malah ada yang menganggap perbuatan yang dilakukan sangat memalukan negara. Oleh kerana kajian ini menggunakan pendekatan analisis wacana kritis daripada Fairclough (1985), maka penyelidik akan membuat penganalisaan terhadap meme tersebut berdasarkan kepada tiga dimensi yang telah ditekankan dalam teori tersebut, iaitu dari sudut 1) Teks, 2) Praktik Wacana dan 3) Praktik Sosial Budaya. Gambar rajah 1 di atas menunjukkan antara meme yang telah dipilih oleh penyelidik berhubung dengan perkara tersebut. Melalui pemerhatian, penyelidik beranggapan bahawa meme yang dihasilkan membawa makna yang begitu mendalam bagi menerangkan situasi yang sedang berlaku. Selain menyelitkan tekstual gambar sekumpulan Raja Bomoh yang membawa tembikai sambil duduk di atas tikar, meme yang dihasilkan tersebut juga turut memasukkan teks gambar daripada sudutan filem P. Ramlee yang bertajuk Laksamana Do Re MI. Tekstual daripada sudutan filem tersebut sememangnya mirip dengan apa yang telah dilakukan oleh sekumpulan Raja Bomoh dalam usaha untuk mencari pesawat yang hilang tersebut. Bukan itu sahaja, perbuatan Raja Bomoh yang menggunakan dua batang kayu sebagai teropong juga, hampir sama dengan apa yang telah dilakukan oleh watak dalam filem Laksamana Do Re MI tersebut. Keadaan ini sememangnya menampilkan sedikit kelucuan dalam teks tersebut kerana perbuatan tersebut sememangnya tidak masuk akal dan amat memalukan negara. Seterusnya adalah dari segi praktik wacana, penyelidik beranggapan bahawa meme yang telah dihasilkan amat menarik dan mampu memberikan maklumat serta impak yang mendalam kepada penerimannya. Hal ini adalah kerana, walaupun meme yang dihasilkan tidak langsung menggunakan tekstual berbentuk perkataan ataupun sebarang penulisan bagi menerangkan idea ataupun maklumat yang ingin disampaikan, namun meme yang dihasilkan tersebut, masih lagi berjaya memberikan sesuatu makna yang mendalam kepada penerimannya. Susunan teks gambar dalam meme ini telah disusun atur dengan begitu teliti supaya penerima dapat mengkaitkan setiap teks gambar yang dibekalkan ke dalam meme tersebut. Seterusnya adalah dari sudut praktik sosial dan budaya, meme yang dihasilkan masih terikat dengan budaya dan cara hidup sosial di Malaysia yang tidak memasukkan elemen-elemen yang terlampau sehingga membawa kepada kesan negatif kepada penerimannya. Keadaan ini adalah kerana, jika di lihat dari sudut pembentukannya, penggunaan teks gambar dalam meme tersebut masih lagi mengekalkan budaya masyarakat Malaysia yang sememangnya amat berpegang kepada adat dan menjaga etika pemakaian yang tidak menjolok mata, walaupun pada hakikatnya perbuatan yang telah dilakukan oleh Raja Bomoh tersebut sememangnya amat bertentangan dengan ajaran agama Islam.



Gambar Rajah 2: Meme Imej Makro Perdana Menteri menyerupai Pengasas Produk Qu Puteh

Meme kedua yang telah dipilih oleh penyelidik dalam kajian ini adalah seperti yang telah ditunjukkan dalam gambar rajah 2 di atas. Meme imej makro tersebut di pilih kerana penyelidik ingin menyatakan bahawa, penghasilan sesuatu meme bukan hanya melibatkan isu dan masalah dalam kalangan masyarakat biasa sahaja, malah kehadiran meme ini juga dilihat turut mensasarkan golongan pembesar ataupun individu-individu yang berpengaruh serta mempunyai kuasa dalam sesebuah parti politik sebagai mangsanya. Meme pada rajah 2 tersebut merupakan salah satu meme yang dihasilkan dengan melibatkan pemerintah negara, iaitu Perdana Menteri Malaysia yang terkini iaitu Yang Amat Berhormat Datuk Sri Mohd Najib bin Abdul Razak. Bagi penyelidik, pemilihan contoh meme ini bukanlah bertujuan untuk mengkritik pemerintahan negara ataupun memberi gambaran negatif terhadap kerajaan, namun pemilihan tersebut dilihat sangat relevan dan mempunyai impak yang sangat mendalam bagi membuktikan bahawa penghasilan meme ini juga turut melibatkan golongan-golongan yang berjawatan penting dalam sesebuah negara. Meme imej makro ini juga boleh dikaitkan dengan teori analisis wacana kritis daripada Fairclough (1985) yang melihat meme daripada 3 aspek utama iaitu, teks, praktik wacana dan praktik sosial budaya. Jika di lihat dari aspek teks, Meme imej makro ini telah menggunakan gambar grafik yang telah disunting daripada gambar asalnya. Imej asal bagi gambar grafik tersebut adalah wajah milik Datuk Seri Vida, iaitu pengasas Produk Kecantikan Vida *Beauty*. Teks gambar tersebut telah disunting dengan memasukkan gambar Perdana Menteri Malaysia yang keenam, iaitu Datuk Sri Najib Abdul Razak. Selain menggunakan teks imej berbentuk visual, meme imej makro ini juga turut menyelitkan penggunaan teks yang menggunakan perkataan-pekatan tertentu bagi menerangkan dengan lebih terperinci idea dan maklumat yang ingin disampaikan kepada pengguna di laman sosial dan sebagainya. Penggunaan teks ayat dan perkataan dalam meme tersebut ialah

‘Qu Samun Qu Samun..Barulah Penyamun!! Ha Ha Ha’.

Penggunaan teks ungkapan perkataan tersebut sememangnya suatu penghinaan yang amat memalukan telah dilemparkan kepada pemimpin negara tersebut. Bagi pandangan penyelidik, penggunaan teks tersebut ada mempunyai perkaitan dengan isu yang berlaku dalam 1MDB mengenai jumlah wang sebanyak 2.6 bilion ringgit yang masih hangat diperkatakan sehingga kini. Seterusnya penyelidik akan melihat dari aspek yang kedua iaitu praktik wacana. Aspek ini merupakan aspek yang tidak kurang pentingnya dalam penghasilan sesuatu meme. Dengan menggunakan daya kreativiti serta kepakaran dalam bidang teknologi, keadaan tersebut akan lebih banyak membantu dan menyumbang ke arah

penghasilan sesuatu meme yang lebih berkualiti dan memberikan impak yang lebih mendalam ke atas diri setiap pengguna. Dalam meme tersebut juga, muka Datuk Sri Najib telah dimasukkan ke dalam meme tersebut dengan memilih kedudukan yang paling sesuai dengan bentuk badan yang terdapat dalam meme berkenaan. Pemilihan gambar wajah yang tepat, mampu memberikan hasil yang lebih berkualiti dan memberi kesan yang lebih sempurna. Selain itu, meme imej makro ini juga mendapat perhatian yang begitu menggalakkan daripada pengguna kerana telah menyelitkan penggunaan ayat yang sangat memalukan dan menghina Perdana Menteri Malaysia tersebut. Keadaan ini telah menggalakkan lagi penghasilan komen-komen yang berbentuk hentaman dan ada juga yang memberi sokongan dan bersetuju dengan kandungan ataupun idea yang terdapat dalam meme tersebut. Aspek yang ketiga pula adalah praktik sosial budaya. Dalam meme imej makro ini, praktik sosial dan budaya dalam yang ditonjolkan amatlah bertentangan dengan norma masyarakat di Malaysia. Hal ini adalah kerana, selain membawa idea ataupun maklumat yang berbau fitnah dan ghibah (mengumpat), meme yang dihasilkan ini juga di lihat sangat bertentangan dengan agama Islam yang melarang seorang lelaki menyerupai seorang perempuan. Keadaan ini sedikit sebanyak telah membawa kepada pelbagai bentuk perbahasan dan perdebatan dalam kalangan masyarakat yang telah menerima meme tersebut. Selain itu, unsur ghibah (mengumpat) dan memfitnah juga boleh dikaitkan dengan penghasilan tersebut. Perbuatan mengumpat dan memfitnah sememangnya amat ditegah dalam semua agama, bukan sahaja dalam agama Islam. Keadaan ini sememangnya jauh terpesong daripada budaya dan gaya hidup Masyarakat di Malaysia.

INI RASHID

RASHID BERGADUH DENGAN TEMAN WANITANYA

RASHID BUKA FACEBOOK DAN MEMBACA BAHAN KELAKAR

**RASHID TIDAK UPDATE STATUS SEDIH SETIAP JAM
KERANA RASHID TIDAK BEBAL**

RASHID BIJAK

JADILAH SEPERTI RASHID



Gambar Rajah 3: Meme Makro 'Jadilah Seperti Rashid'.

Meme yang seterusnya adalah meme imej makro yang lebih dikenali sebagai 'Jadilah Seperti Rashid'. Meme ini juga telah menjadi satu fenomena di media *Facebook* kerana telah mendapat perhatian dan komen yang berbentuk positif daripada ramai pengguna di laman sosial tersebut. Faktor-faktor yang telah menjadikan meme imej makro ini lain daripada yang lain adalah, segala maklumat serta idea yang disampaikan kepada pengguna yang lain adalah berbentuk pengajaran serta memberi tauladan yang baik kepada sesiapa sahaja yang menerimanya. Meme 'Jadilah Seperti Rashid' ini bukan hanya menjadi bualan dan memenuhi ruang komen di laman sosial tersebut, malah turut mendapat liputan menerusi saluran Media Prima melalui laporan berita di TV3. Sehubungan dengan itu, meme ini juga telah mendapat pandangan dan maklum balas yang begitu baik daripada pakar sosial di Malaysia, iaitu Yang Berhormat Profesor Datuk Dr. Shatar Sabran, yang juga merupakan Timbalan Naib Chanselor Hal Ehwal Pelajar di Universiti Putra Malaysia. Gambar rajah 3 di atas menunjukkan contoh meme imej makro 'Jadilah Seperti Rashid' yang telah dipilih oleh penyelidik bagi kajian ini. Pemilihan meme ini adalah berdasarkan

kepada trend serta kandungan yang terdapat dalam meme tersebut. Hal ini adalah kerana, penyelidik merasakan bahawa meme ini mempunyai banyak kelebihan serta memberikan impak yang sangat baik kepada pengguna yang menerimanya. Jika dilihat dari sudut teks, meme 'Jadilah Seperti Rashid' yang di pilih ini telah menggunakan teks yang berbentuk grafik. Walaupun visual yang digunakan adalah berbentuk kartun, namun bagi penyelidik, penggunaan imej kartun tersebut amatlah baik bagi menarik perhatian pengguna bukan hanya di peringkat dewasa, malah kanak-kanak juga pasti akan tertarik dengan imej grafik yang disalurkan ke dalam meme tersebut. Bukan itu sahaja, imej grafik yang menggunakan wajah seseorang yang sedang tersenyum tersebut mampu memberikan keceriaan dan tarikan kepada pengguna untuk membacanya. Selain itu, dalam meme ini juga, teks berbentuk perkataan juga telah digunakan untuk menyampaikan idea ataupun maklumat yang ingin di sampaikan kepada pengguna. Teks yang terkandung dalam meme 'Jadilah Seperti Rashid' ini menggunakan perkataan serta bahasa yang sopan di samping memberikan tauladan yang amat baik kepada pengguna. Di akhir ungkapan perkataan dalam meme ini pada kebiasaannya akan di masukkan perkataan 'Rashid Bijak, Jadilah Seperti Rashid'. Pendekatan sedemikian dilihat amat baik kerana disamping memberikan pengajaran, meme ini juga turut mengajak dan mempelawa pengguna untuk menjadi seperti Rashid. Dalam meme ini juga, teks seperti warna tidak banyak digunakan, memadai dengan hanya menggunakan warna hitam dan putih. Penyelidik beranggapan bahawa, pemilihan warna yang begitu minima tersebut adalah bertujuan supaya pengguna lebih fokus terhadap isi kandungan dan maklumat yang ingin disampaikan melalui teks perkataan yang dinyatakan dalam meme tersebut. Aspek yang kedua pula adalah praktik wacana. Dalam penghasilan meme ini, penyelidik merasakan bahawa kebanyakan idea yang telah dibawa oleh meme 'Jadilah Seperti Rashid' adalah berbentuk seloka harian masyarakat, di mana pemiliknya telah mengupas sikap dan perangai masyarakat rakyat di Malaysia yang di rasakan berbau negatif, dan menterjemahkan maklumat tersebut ke dalam meme yang lebih kreatif tanpa menggunakan ayat-ayat ataupun perkataan yang mampu menyinggung perasaan seseorang penggunanya. Hal ini adalah kerana, maklumat ataupun kandungan pengajarannya banyak diperolehi daripada aktiviti dalam kehidupan seharian kita. Walaupun masej yang dibawa tidak terlalu berat, namun kandungannya tidak pernah menghentam ataupun memburukan mana-mana pihak. Oleh yang demikian, tidak menjadi kejutan mengapa meme 'Jadilah Seperti Rashid' ini mendapat sambutan yang luar biasa daripada para pengguna di laman sosial *Facebook*. Manakala dari aspek praktik sosial budaya pula, penyelidik merasakan bahawa meme 'Jadilah Seperti Rashid' adalah salah satu karya meme yang sangat menepati gaya hidup dan budaya masyarakat di Malaysia. Segala maklumat dan idea yang disampaikan melalui meme tersebut tidak langsung menggunakan perkataan yang kasar serta kurang sopan untuk dikongsikan bersama. Keadaan ini merupakan salah satu faktor mengapa meme ini terus mendapat perhatian dan masih lagi digunakan dalam media sosial sehingga ke hari ini, contohnya melalui media sosial *Facebook*. Selain itu, pembentukan meme yang menggunakan imej kartun seperti yang telah ditunjukkan oleh meme 'Jadilah Seperti Rashid' amat sesuai sekiranya diterima oleh golongan kanak-kanak. Kedaan ini bertepatan dengan pandangan yang telah dikeluarkan oleh Kirby (2009) yang menyatakan bahawa penghasilan meme yang menggunakan imej seperti kartun perlulah diteliti supaya ianya lebih selamat apabila terdedah kepada golongan muda seperti kanak-kanak. Oleh itu, kesemua dapatan kajian yang telah diperbincangkan dalam makalah ini menunjukkan bahawa penglibatan media dalam penghasilan meme dan wacana awam dilihat begitu jelas sekali. Keadaan ini sedikit sebanyak telah mendorong kepada penghasilan sesuatu meme, serta menyebabkan penyebarannya menjadi lebih mudah dan berkesan. Sehubungan dengan itu, kewujudan meme ini juga sedikit sebanyak telah mendorong kepada pembentukan sesebuah wacana awam dalam sesebuah media. Hal ini berlaku akibat daripada pembedaan meme yang akhirnya mampu membawa kepada satu topik khas untuk diperbincangkan oleh pengguna-pengguna dalam sesebuah laman sosial dan sebahinya. Pembentukan maklumat ini telah banyak memberi dan membuka ruang kepada pengguna media sosial yang ada untuk menggeluarkan pendapat serta pandangan mereka secara bebas mengenai sesuatu meme ataupun

berhubung dengan sesuatu isu yang sedang diperbincangkan dalam sesebuah meme. Dengan itu, tidak menjadi suatu kesalahan, sekiranya penghasilan dan penyebaran sesuatu meme di media internet sememangnya telah memberikan impak serta kesan yang begitu jelas terhadap penglibatan media.

KESIMPULAN

Secara tuntasnya, makalah ini lebih memfokus terhadap memahami meme sebagai seloka harian: impak dimensi sosiobudaya dan politik. Melalui makalah ini, dapat disimpulkan bahawa kewujudan media teknologi yang telah wujud pada hari ini, telah banyak mempengaruhi penghasilan sesuatu meme dan keadaan ini secara tidak langsung telah mendorong berlakunya perkongsian dan perdebatan berhubung dengan sesuatu meme yang telah dihasilkan. Seperti yang kita sedia maklum, meme boleh wujud dalam pelbagai bentuk, sama ada dalam bentuk grafik, audio dan juga video yang dihasilkan bagi mewujudkan sesuatu budaya dalam kehidupan seharian manusia. Budaya yang dimaksudkan adalah budaya perkongsian dan penerimaan terhadap kewujudan meme yang telah dihasilkan. Namun begitu, tidak semestinya semua meme yang telah dikongsi dan dihasilkan diterima dengan baik oleh semua golongan penerimanya. Oleh yang demikian, tidak hairanlah sekiranya meme yang dihasilkan, menjadi buah mulut dan dibahaskan secara meluas bagi membincangkan mengenai maklumat yang dibekalkan di dalam sesebuah meme. Keadaan ini menjadi lebih jelas dengan kehadiran media yang semakin canggih dewasa ini. Penglibatan sesuatu media dalam sesebuah wacana awan seperti meme telah banyak mendorong fenomena meme ini dikongsi dan diviralkan dengan lebih mudah dan lebih berkesan. Namun begitu, sebagai seseorang pengguna media massa pada hari ini, kita seharusnya lebih peka dan berhati-hati dalam menerima dan mempercayai sesuatu maklumat yang diperolehi, contohnya menerusi kehadiran meme. Maklumat yang tidak benar berhubung dengan sesuatu meme sememangnya mampu untuk mendatangkan kesan dan impak yang negatif kepada sesebuah masyarakat, agama dan juga negara. Keadaan ini sekiranya tidak dibendung dan ditapis hingga ke akar umbi, pasti akan mengancam keharmonian dan kesejahteraan sesebuah negara daripada terus maju dan berjaya.

RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri &Zarin Ismail. (2009). *Hubungan antara pegangan nilai moral dengan media massa: Tinjauan ke atas remaja Melayu luar bandar*. SARI: Jurnal Alam dan Tamadun Melayu, 27. pp. 199-212. ISSN 0127-2721.
- Anthonissen C. (2001). *On the Effectiveness of Media Censordhip: Linguistic, Paralinguistic and Other Communicative Devices of Media Regulation*. PhD Thesis. University of Vienna.
- Baym, N. K. (2010). *Personal Connections in the Digital Age*. Cambridge, UK: Polity Press.
- Bakhtin, M. M. (1952 & 1986). *The Problem of Speech Genre*. In C. Emerson & M. Holquist. (Eds.), *Speech Genre and Other Late Essays*. Austin, TX: University of Texas Press.
- Babcock, W., & Whitehouse, V. (2005). *Celebrity as Postmodern Phenomenon, ethical Crisis for Democracy, and Media Nightmare*. *Journal of Mass Media Ethics*, 20, 176-191.
- Bourdieu, P. (1984). *Distinction: A Social Critique of the Judgement of Taste*. London: Routledge.
- Blommaert, J. and Verschueren, J. (1999). *The Diversity Debate*. London: Routledge

- Chomsky, N. (1957). *Syntactic Structures*. s-Gravenhage: Mouton.
- Corner, J., & Pels, D. (2003). *Media and the Restyling of Politics*. London: Sage.
- Dahlgren, P. (2009). *Media and Political Engagement: Citizen, Communication, and Democracy*. Cambridge UK: Cambridge University Press.
- Dawkins, Richard.(2006). *The Selfish Gene, Oxford University Press*, New York.
- Dennet, D. (1991). *Consciousness Explained*. Boston, MA, USA: Little Brown.
- Delius, J. (1989). Of Mind Memes and Brain Bugs: A Natural History of Culture. In W. A Koch (e.d), *The Nature of Culture*. Bochum, Germany: Bochum Publications. Pp. 26-79.
- Fornas, J., Klein, K., Ladendorf, M., Sunden, J., & Sveningsson, M. (2002). Into Digital Borderlands. In J. Fornas, K. Klein, M. Ladendorf, J. Sunden & M. Sveningsson (Eds.), *Digital Borderlands: Cultural Studies of Identity and Interactivity on the Internet* (pp. 1-47). New York: Peter Lang.
- Fornas, J. (1995) "Youth, Culture and modernity". In.Fornas, J Bolin C. *Youth Culture in late modernity* London: Sage Publications, pp. 1-11.
- Fairclough, N. (2003). *Analysing Discourse: Textual Analysis for Social Research*. London: Routledge.
- Fairclough, N. (1995).*Media Discourse*. London: Longman
- Fairclough, N. (1989) *Language and Power*. London: Longman.
- Fairclough, N. and Wodak, R. (1997). 'Critical Discourse Analysis', in T. van Dijk (ed.), *Discourse Studies: A Multidisciplinary Introduction*. Volume 2. London: Sage, pp. 258 – 84
- Fairclough, N. and Kress, G. (1993). 'Critical Discourse Analysis'. Unpublished manuscript.
- Foucault, M. (1986 & 1991) *Politics and the Study of Discourse*. In G. Burchell, C. Gordon & P. Miller (Eds.), *The Foucault Effect: Studies in Governmentality* (pp. 53-72). Chicago: The University of Chicago Press.
- Foucault, M. (1986 & 1991) *Politics and the Study of Discourse*. In G. Burchell, C. Gordon & P. Miller (Eds.), *The Foucault Effect: Studies in Governmentality* (pp. 53-72). Chicago: The University of Chicago Press.
- Foucault, M. (1969 & 1972). *The Archaeology of Knowledge*. New York: Pantheon Books.
- Foucault, M. (1971 & 1972). *The Order of Discourse as 'The Discourse on Language' The Archaeology of Knowledge* (pp. 215-237). New York: Pantheon Books.

- Foucault, M. (1980 & 1991). Questions of Method. In G. Burchell, C. Gordon & P. Miller (Eds.), *The Foucault Effect: Studies in Governmentality* (pp. 73-86). Chicago: The University of Chicago Press.
- Grant, G. (1990). Memetic Lexicon. http://pespmc1.vub.ac.be/*memes.html
- Ito, M. et al. (2010). *Hanging Out, Messing Around, and Geeking Out: Kids Living and Learning with New Media*. Cambridge, MA: The MIT Press
- Hanks, W. F. (1989). Text and Textuality. *Annual Review of Anthropology*. 18, 95-127.
- Habdige, D. (1979). *Subculture: The Meaning of Style*. London: Methuen.
- Hymes, D. (1972) Models of Interaction of Language and Social Life', in J.J. Gumperz and D. Hymes (eds), *Directions in Sociolinguistics. The Ethnography of Communication*. New York: Holt, Rinehart and Winston, pp. 35 - 71.
- Harian Metro (16 Januari 2016). Seloka Sindiran Rashid.
- Kress, G. (1990) 'Critical Discourse Analysis', *Annual Review of Applied Linguistics*, 11: 84 - 97.
- Kress, G. (1989) 'History and Language: Towards a Social Account of Linguistic Change', *Journal of Pragmatics*, 13 (3): 445 - 66.
- Kirby, A. (2009). *Digimodernism: How New Technologies Dismantle the Postmodern and Reconfigure our Culture*. New York: Continuum.
- Kuipers, G. (2002). Media Culture and Internet Disaster Joke: Bin Laden and the Attacks on the World Trade Center. *European Journal of Cultural Studies*, 5 (4), 450 – 470.
- Lynch, A. (1996). *Thought Contagion: How Belief Spread Through Society*. New York. NY, USA: Basic Book.
- Labov, W. (1972). *Language in The Inner City*. Philadelphia: University of Pennsylvania Press.
- Ryan M. M. (2012). *The World Made Meme: Discourse and Identity in Participatory Media*. Doctor of Philosophy Thesis. University of Kansas.
- Saadah Wok, Narimah Ismail & Mohd Yusof Hussin. (2005). *Teori-teori Komunikasi*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn Bhd.
- Sartika, T. D. (2004). Tracing Social Evolution through Memetics. *Working Paper WPF2004*. Bandung Fe Institute.
- Shifman L. (2011). An Anatomy of a You Tube Meme. *New Media & Society*.
- Ryan M. M. (2012). *The World Made Meme: Discourse and Identity in Participatory*

Media. Doctor of Philosophy Thesis. University of Kansas.

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. (2013). *Gaya Hidup Digital*. Laporan Tahunan 2013.

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. (2014). *Internet Users Survey 2014*. ISSN 1823- 2523.

Tracy, K. (2001). Discourse Analysis in Communication. In D. Schiffrin, D. Tannen & H. E. Hamilton (Eds.), *The Handbook of Discourse Analysis* (pp. 725-749). Malden, MA: Blackwell Publisher, Ltd.

Van Dijk, T.A. (1986) *Racism in The Press*. London: Arnold.

Van Dijk, T.A. (1998). *Ideology: A Multidisciplinary Approach*. London: Sage Publications.

Van Dijk, T.A. (1990). 'Social cognition and discourse', in H. Giles and W.P. Robinson (eds), *Handbook of Language and Social Psychology*. Chichester: John Wiley and Sons, pp. 163-86

Van Dijk, T.A. (1984). *Prejudice in Discourse: An Analysis of Ethnic Prejudice in Cognition and Conversation*. Amsterdam: Benjamins.

Weiskel, T. C. (2005). From Sidekick to Sideshow- Celebrity, Entertainment, and the Politics of Distraction: Why Americans are 'Sleepwalking towards the end of the earth. *American Behavioral Scientist*, 49 (3), 393-409.

Wilson, E. O. (1998). *Consilience: The Unity of Knowledge*. New York, NY, USA: Alfred A. Knopf, Inc.

Wimmer, R.D & Dominick, J.R. (1997). *Mass media research, an introduction*. Belmont: Wadsworth Publisity Company

Wodak, R., & Mayer, M. (2009). *Methods of Critical Discourse Analysis*. Los Angeles: Sage.

Wodak, R. (2000). 'The rise of racism ± an Austrian or a European phenomenon?', *Discourse and Society*, 11 (1): 5 -6

Wodak, R. & Mayer, M. (2001). *Methods of Critical Discourse Analysis*. London: sage.

Wodak, R. (1989). 'Introduction', in R. Wodak (ed.), *Language, Power and Ideology*. Amsterdam: Benjamins, pp. i - ix.

Wodak, R., De Cillia, R., Reisigl, M. and Liebhart, K. (1999). *The Discursive Construction of National Identity*. Edinburgh: Edinburgh University Press.

Rujukan Internet

Sinar Harian (22 Mac 2015). KJ: Siapalah tiada kerja edit gambar fitnah. Muat turun pada 28 Jun 2015.

Conference Proceeding: 2nd INTERNATIONAL CONFERENCE ON CREATIVE MEDIA, DESIGN & TECHNOLOGY (REKA2016)

<http://www.sinarharian.com.my/nasional/kj-siapalah-tiada-kerja-edit-gambar-fitnah-1.371662>